

BIBLIOGRAPHIC INFORMATION

Title	Kajian Analisis Kos Projek Rintis Sekolah Bestari. Kuala Lumpur: BPPDP, 2004.
Source	Ministry of Education
Author 1	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
Author 2	NA
Author 3	NA
Publication/Conference	NA
Edition	NA
Document Type	Report
CPI Primary Subject	Education
CPI Secondary Subject	; ; ;
Geographic Terms	Malaysia;
Abstract	Kajian ini dijalankan bagi menganggarkan kos makro purata perbelanjaan modal dan operasi terhadap program PRSB, kos tetap purata emolumen, kos purata mengikut komponen perbelanjaan mengikut komponen perbelanjaan sumber kewangan kerajaan dan bukan kerajaan.

Centre for Policy Initiatives (CPI)

Pusat Inisiatif Polisi

政策倡议中心

<http://www.cpiasia.org>

Kementerian Pelajaran Malaysia. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. **Kajian Analisis Kos Projek Rintis Sekolah Bestari.** Kuala Lumpur: BPPDP, 2004.

1.0 Latar belakang

Projek Rintis Sekolah Bestari telah dilaksanakan secara rasminya apabial perjanjian antara Telekom Smart School Sdn. Bhd. (TSS) dengan Kerajaan Malaysia pada 29 Julai 1999 ditandatangani. Pihak *Telekom Smart School Sdn. Bhd.* Telah membekalkan sistem penyelesaian bersepadu PRSB secara berperingkat sehingga tahun 2002. Tempoh PRSB melalui kerjasama ini ialah tiga tahun bermula daripada tarikh tandatangan perjanjian antara Kerajaan dan *Telekom Smart School Sdn. Bhd.* Sebanyak 90 buah sekolah telah dipilih tetapi hanya 87 buah sekolah sahaja yang terlibat kerana 3 buah sekolah aras teknologi A masih belum siap dibina untuk menjalankan projek rintis ini. Ini termasuk perkakasan dan perisian untuk pengurusan sekolah dan P&P dibekalkan mengikut aras teknologi.

2.0 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi menganggarkan kos makro purata perbelanjaan modal dan operasi terhadap program PRSB, kos tetap purata emolumen, kos purata mengikut komponen perbelanjaan mengikut komponen perbelanjaan sumber kewangan kerajaan dan bukan kerajaan.

3.0 Metodologi Kajian

Penganalisaan data secara makro dijalankan bagi mendapatkan anggaran perbelanjaan purata bagi kos modal dan operasi (emolumen, perkhidmatan dan perbekalan serta Bantuan Per Kapita bagi sesetengah subjek) dengan mengambilkira keseluruhan enrolmen pelajar yang berada di sekolah yang menjalankan PRSB. Kaedah mikro digunakan untuk mendapat maklumat kos purata persekolahan PRSB secara lebih terperinci mengikut sumber kewangan dan komponen perbelanjaan.

Kajian tinjauan dibuat ke atas semua 87 Guru Besar/Pengetua PRSB. Seramai 5 orang ibu bapa/penjaga dipilih secara rawak daripada setiap PRSB. Manakala kajian lapangan melibatkan 22 Guru Besar/Pengetua PRSB. Jumlah pelajar yang diambilkira sebagai asas pengiraan data makro dari 87 buah sekolah yang menjalankan PRSB ialah 83,184 orang. Jumlah pelajar dalam sekolah sampel ialah 66 buah dengan bilangan pelajar berjumlah 64,341 orang manakala asas pengiraan kos purata bagi pelajar yang terlibat secara langsung dengan PRSB ialah 57,120 orang.

4.0 Dapatan Kajian

- 4.1 Pengiraan kaedah makro mendapati kos purata bagi perbelanjaan modal adalah RM2,206.84 dan perbelanjaan operasi bernilai RM1,399.62. Purata perbelanjaan bantuan makanan bagi seseorang pelajar setahun yang disumbangkan oleh kerajaan RM1,437.50.
- 4.2 Analisis terhadap kos bagi 62,524 pelajar yang berada di sekolah yang menjalankan PRSB mendapati purata perbelanjaan emolumen ialah RM2,627.12 bagi sekolah menengah dan RM856.06 bagi sekolah rendah dengan mengambil kira 1,817 pelajar.
- 4.3 Analisis kos purata terhadap 62,524 pelajar sekolah menengah yang berada di sekolah yang menjalankan PRSB mendapati purata kos bantuan perkapita ialah RM108.95 (termasuk RM62.00 LPBT), kos pentadbiran RM189.88, kos P&P RM43.48 dan kos kebajikan pelajar RM71.02.
- 4.4 Analisis kos purata terhadap 1817 pelajar PRSB di sekolah rendah mendapati purata kos bantuan perkapita ialah RM31.34, kos pentadbiran RM208.61, kos P&P RM19.40 dan kos kebajikan pelajar RM3.82.

- 4.5 Analisis kos purata terhadap 55,303 pelajar sekolah menengah yang mengikuti program PRSB yang dibelanjakan oleh kerajaan terhadap kos emolumen ialah RM2,649.64, kos pentadbiran ialah RM167.52, kos P&P RM39.31 dan kos kebajikan RM65.11.
- 4.6 Analisis kos purata terhadap 55,303 pelajar sekolah menengah yang mengikuti program PRSB yang dibelanjakan oleh sumber bukan kerajaan terhadap kos pentadbiran ialah RM4.96, kos P&P RM7.00 dan kos kebajikan RM7.92.
- 4.7 Analisis kos purata terhadap 1,817 pelajar sekolah menengah yang mengikuti program PRSB yang dibelanjakan oleh sumber bukan kerajaan terhadap kos pentadbiran ialah RM7.38, kos P&P RM3.30 dan kos kebajikan RM1.10.
- 4.8 Analisis pembiayaan ibu bapa terhadap anak mereka yang belajar di sekolah menengah dalam PRSB, daripada 353 responden purata kos persekolahan ialah RM1,163.76, kos kebajikan RM1,024.25 dan bagi 197 responden yang anak mereka tinggal di asrama RM250.00 dibelanjakan setahun untuk yuran makanan asrama. Bagi ibu bapa yang membeli komputer untuk anak mereka kos purata RM3,278.32 telah dibelanjakan.
- 4.9 Analisis pembiayaan ibu bapa terhadap anak mereka yang belajar di sekolah rendah PRSB, daripada 21 responden purata kos persekolahan ialah RM1,163.76, kos kebajikan RM1,024.25. Bagi ibu bapa yang membeli komputer untuk anak mereka kos purata RM3,330.00 dibelanjakan.
- 4.10 Keseluruhan kos purata persekolahan yang dibelanjakan oleh pihak kerajaan terhadap seorang pelajar sekolah menengah PRSB RM8,011.85 dan pihak bukan kerajaan RM2,457.74.

5.0 Cadangan Kajian

- 5.1 Kerajaan harus memberi lebih perhatian terhadap pemantauan aset ICT yang dibekalkan di sekolah kerana terdapat kebimbangan di kalangan pengetua/guru besar tentang kos penyenggaraan yang akan meningkat. Begitu juga dengan nilai aset P&P yang dibekalkan dalam perbelanjaan modal dengan nilai purata bagi setiap pelajar RM1,111.32 merupakan elemen kos yang tertinggi.
- 5.2 Melibatkan lebih ramai guru dalam penyediaan *software* bestari kerana kandungan dan kaedah P&P yang lebih sesuai diambil kira mengikut peringkat kemampuan pelajar.
- 5.3 Pihak sekolah harus lebih aktif melibatkan masyarakat menyumbang kepada pelaksanaan PRSB supaya masyarakat juga bertanggungjawab kepada pendidikan. Kos purata yang disumbangkan oleh sumber bukan kerajaan RM19.88 bagi sekolah menengah dan RM11.78 bagi sekolah rendah.
- 5.4 Kerajaan menambahkan peruntukan untuk kebajikan pelajar seperti bantuan wang saku, tambang bas, uniform sekolah, yuran tuisyen dan program-program motivasi kerana kos yang ditanggung oleh isi rumah adalah tinggi dengan purata RM1,024.25.
- 5.5 Kos persekolahan yang ditanggung terus oleh isi rumah kepada anak-anak juga tinggi RM1,163.76 iaitu seperti perbelanjaan yuran tuisyen komputer, yuran tuisyen sekolah, belanja beli buku teks dan perkakasan komputer. Adalah dicadangkan kerajaan meningkatkan bantuan terus kepada pelajar bagi mengurangkan bebanan ibu bapa.
- 5.6 Yuran asrama yang dikenakan kepada ibu bapa purata RM250.00 setahun perlu dikurangkan atau dihapuskan kerana kos ini akan meningkatkan lagi kos yang ditanggung oleh ibu bapa PRSB.

Tajuk perkara:

School management and organization; Costs and cost analysis; Cost effectiveness.

KP 371.2009595 KEM

